

# Pemain *PUBG* terdedah jadi mangsa tipu

Oleh AHMAD MUSTAKIM  
ZULKIFLI

**KUALA LUMPUR** – Permainan dalam talian *Player Unknown's Battleground (PUBG)* yang menjadi kegilaan ramai berpotensi menjadi salah satu platform sindiket penipuan memanipulasi mangsa terutamanya golongan remaja.

Penyarah Psikologi Klinikal, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr. Hilwa Abdullah @ Mohd. Nor berkata, permainan itu membuka peluang kepada pemainnya untuk berkenalan dan berinteraksi dengan pemain lain.

*PUBG* adalah permainan video online dalam telefon pintar yang dimainkan secara berkumpulan.

"Keadaan itu membolehkan pemainnya dimanipulasi oleh mereka yang berniat tidak baik termasuk untuk tujuan menipu.

"Dari segi psikologi, penipu akan mengambil hati mangsa dengan mengetahui hobi atau aktiviti kegemaran mangsa, kerana tidak semua orang memahami hobi atau minat seseorang," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Menurut Dr. Hilwa, penipu



**PERMAINAN *PUBG* membuka peluang kepada pemain untuk berinteraksi dengan pemain yang lain.**

akan menanamkan kepercayaan sebelum mengambil kesempatan ke atas mangsa-mangsa mereka.

Mengulas lanjut, beliau mem-

beritahu, remaja yang kurang mendapat perhatian daripada keluarga dan rakan-rakan lebih terdedah untuk mempercayai

orang luar yang tidak pernah dikenali mereka sebelum ini.

"Scammer (penipu) juga akan cuba menonjolkan ciri-ciri ida-

man mangsa, apatah lagi bagi remaja yang sedang mengalami perubahan hormon dalam badan," katanya.